

# PEA berlangsung penuh gemilang

**Politeknik Seberang Perai bawa pulang RM10,000**

EARACHEZAWANTAU

KUALA TERENGGANU

**P**oliteknik Seberang Perai, Pulau Pinang diumumkan sebagai pemenang Anugerah Unit Keusahawanan Terbaik sempena Majlis Anugerah Keusahawanan Politeknik Malaysia (PEA) 2017 di sini, malam kelmarin.

Dengan kemenangan itu, mereka berjaya membawa pulang hadiah berupa Geran Keusahawanan bernilai RM10,000.

Majlis berprestij PEA itu berlangsung di Prinuuli Beach Hotel, bagi memberi pengiktirafan kepada usahawan politeknik cemerlang mengikut sembilan kategori yang dipertandingkan.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz berkata, majlis kali kejiga itu disertai 35 buah politeknik Malaysia dengan Politeknik Hulu Terengganu, Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin sebagai tuan rumah.

"Program ini anjuran Unit Keusahawanan, Alumni dan Pengurusan Dasar, Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) melalui Pusat Keusahawanan Politeknik Malaysia (MPEC).

"Ia diadakan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada kejayaan pelajar, tenaga akademik dan bukan akademik serta teknik dalam pengurusan serta taksiran projek keusahawanan di politeknik.



Nik Ali (depan, tengah) bersama warga politeknik pada Anugerah Keusahawanan Politeknik 2017, semalam.

"Bukan itu sahaja, anugerah ini turut mengiktiraf peranan pelajar, tenaga akademik dan bukan akademik di politeknik yang berjaya memanfaatkan secara positif ruang dan peluang yang disediakan JPP melalui MPEC dalam agenda pembangunan keusahawanan di politeknik," katanya selepas majlis perasmian, malam kelmarin.

Majlis itu dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Nik Ali Mat Yunus.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Mohd. Nasir

Abdul Ghani; Pengarah Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik merangkap Pengarah Pusat Keusahawanan Politeknik Malaysia (MPEC), Wan Zulkifli Wan Zakaria dan Pengarah Politeknik Hulu Terengganu, Wan Mohd. Hujatullah Wan Ghazali.

Selain itu, majlis penganugerahan itu turut menyaksikan sembilan politeknik mendapat pengiktirafan mengikut kategori pelajar melebihi 4,000 orang (kategori A), antara 1,000 hingga 3,999 pelajar (kategori B) dan kurang daripada 1,000 pelajar (kategori C) dan kejayaan mereka berdasarkan pelbagai bidang keusahawanan yang diceburi.

Kategori A, tempat pertama dimenangi Politeknik Sultan Azlan Shah sekali gus menerima dana pembangunan keusahawanan RM30,000 diikuti Politeknik Kota Bharu (kedua) yang menerima RM20,000 dan Politeknik Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah (ketiga) bernilai RM10,000.

Bagi kategori B, johan ialah Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang mendapat

RM20,000 disusuli Politeknik Nilai (RM10,000) dan tempat ketiga menjadi milik Politeknik Mersing (RM5,000).



Sesi pengumuman pemenang anugerah.

Manakala juara kategori C ialah Politeknik Banting yang menerima RM15,000 diikuti Politeknik

Metro Johor Bahru (RM10,000) dan Politeknik Jeli (RM5,000).

Mohd. Lokman Hakim Abu Bakar dari Politeknik Metro Johor Bahru pula menerima anugerah

kategori Best Student Enterprise Award diikuti Mohd. Syazwan Ruslin dari Politeknik Sultan Idris Shah (Best Graduate Enterprise Award).

Award), Norazlan Mohd. Shamsudin dari Politeknik Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah (Best Entrepreneurship Mentor Award).

Seterusnya Muhammad Afiz Abu Samah dari Politeknik Kuala Terengganu bagi kategori Most Promising Award) dan u/Taufiqillah Islamic Agro Tourist dari Politeknik Sultan Abdul Haliq Muadzam Shah (Best Student Social Entrepreneurship Award).



Pemenang pada Anugerah Keusahawanan Politeknik 2017.



Nik Ali dan pegawai kanannya bersama pemenang anugerah.